



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/10/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pesawah rugi padi ditenggelami air

SABAK BERNAM - Hujan lebat mengakibatkan beberapa kawasan penanaman padi di Panchang Bedena di sini rosak dan ditenggelami air.

Sebelum ini, rata-rata pesawah dihimpit dengan masalah ketiadaan benih padi tapi kini berdepan pula dengan masalah padi yang baharu ditanam rosak akibat digenangi air.

Pesawah, Napiyah Idris, 60, berkata, dia baharu sahaja membelanjakan wang sebanyak RM1,350 bagi kaedah tanaman padi secara calit.

"Saya bimbang jika keadaan berterusan pokok padi lebih ba-

nyak rosak atau mati akibat digenangi air terlalu lama," katanya.

Napiyah berkata, masalah itu dipercayai berpunca daripada air parit yang mengalir masuk ke dalam petak sawah dan akhirnya menenggelamkan pokok padi.

"Air parit penuh disebabkan pam penyedut air yang disediakan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) rosak sejak dua tahun lalu," katanya.

Pesawah dari Parit 7, Roslan Hasan, 52, pula berkata, dia buntu apabila hampir keseluruhan enam hektar sawah padinya ditenggelami air dan dianggarkan mengalami kerugian RM12,000.



Napiyah (kanan) menunjukkan masalah pokok padi yang ditanamnya ditenggelami air di Sabak Bernam semalam.